

# S'pura perlu ekonomi lebih inovatif, masyarakat inklusif

SINGAPURA dalam kedudukan kukuh untuk menangani perubahan ekonomi dan sosial yang dicetuskan oleh faktor seperti teknologi, iklim dan ketidaksamaan, kata Pengarah Urusan Penguasa Kewangan Singapura (MAS), Encik Ravi Menon.

Namun untuk benar-benar merebut peluang dan membina masa depan lebih baik daripada perubahan ini, Singapura perlu mempunyai ekonomi lebih inovatif dan menjadi masyarakat yang inklusif.

Dalam ucapannya semasa Siri Ceramah Institut Pengajian Dasar (IPS)-Nathan semalam, Encik Menon berkata Singapura memerlukan lebih banyak inovasi untuk mencari cara lebih baik menghuraikan masalah kita dan mewujudkan peluang.

“Kita perlukan lebih banyak inklusiviti, kerana kita mahu memberi manfaat kepada seberapa ramai or-

ang yang boleh dan memastikan tiada yang ketinggalan di belakang.

“Kita juga perlukan lebih banyak inspirasi, kerana di tengah-tengah cabaran yang mengelilingi kita, ada harapan yang Singapura menjadi lebih baik jika kita semua bersepadu dan bekerjasama,” kata beliau.

Menurut Encik Menon, membina ekonomi yang inovatif dan masyarakat inklusif adalah satu usaha nasional yang kolektif.

Sejak beberapa tahun lalu, pemerintah telah melakukan banyak usaha untuk meluaskan jaringan keselamatan sosial dan mempromosikan peluang untuk semua.

Tetapi, Encik Menon menekankan bahawa pemerintah sendiri sahaja tidak boleh mencipta ekonomi yang inovatif ataupun masyarakat inklusif.

“Ia adalah satu usaha nasional dan kolektif.

“Rakan kerjasama sektor privet, majikan dan perniagaan, gerakan buruh, kumpulan kemasyarakatan dan individu harus memainkan peranan dan bekerja rapat untuk menggalak inovasi dan hasil yang memberi manfaat kepada semua,” ujar beliau.

Kata Encik Menon lagi, kita memerlukan kompak sosial yang berbilang aspek – bukan hanya di antara pemerintah dengan rakyat.

Lebih penting, ialah kompak di antara pelbagai segmen dalam sebuah masyarakat serta pemahaman bersama tentang bagaimana untuk bekerjasama bagi menjadi masyarakat lebih baik.

“Rakyat yang berjaya seharusnya bersedia membayar cukai yang perlu demi mengekalkan masyarakat yang menyediakan peluang untuk semua.



**ENCIK RAVI MENON**

“Perniagaan harus faham mereka mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat dan menerapkan matlamat dalam keuntungan.

“Mereka perlu membantu mewujudkan tenaga kerja yang inklusif yang mengenal pasti martabat buruh dan gaji yang adil serta membolehkan pembelajaran sepanjang hayat,” jelas Encik Menon.